

KEJIRANAN INDAH (MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD)

1. Apakah Strategi Lautan Biru Kebangsaan?

National Blue Ocean Strategy (NBOS) atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan ialah satu program telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri yang memfokuskan kepada beberapa perkara iaitu:

- a) Penghasilan idea yang kreatif;
- b) Kolaborasi antara jabatan atau agensi;
- c) Memerlukan kos perbelanjaan yang minimum;
- d) Melaksanakan dengan segera (rapid execution);
- e) Hasilnya berimpak tinggi; dan
- f) Meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat.

Program ini merupakan inisiatif kerajaan bagi meneraju negara ini ke arah sebuah negara membangun, berpendapatan tinggi, harmoni dan sejahtera dalam semua aspek. *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) merupakan usaha kerajaan bagi meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projek-projek atau idea-idea yang kreatif melalui kerjasama di antara kementerian, jabatan, agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta.

2. Apakah program di bawah Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*)?

66 perumahan awam di seluruh Malaysia diberi nafas baru dan wajah baru di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS): Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*) setelah persatuan penduduk dan sukarelawan belia iM4U bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Landskap Negara (JLN), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), RELA, Jabatan Pembangunan Persekutuan (ICU), 1M4U, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

3. Siapakah dan berapa ramai yang mendapat manfaat daripada program MyBN?

Lebih kurang 130,000 penduduk kos rendah telah mendapat manfaat di bawah program MyBN yang telah dilaksanakan untuk menangani isu-isu yang menyentuh hati rakyat sejak 2012. Kini masalah-masalah perumahan awam kos rendah telah ditangani dengan rapi oleh KPKT. Dalam tempoh masa lebih kurang tiga (3) bulan, perumahan awam seperti Rumah Pangsa Bandar Baru Teluk Kumbar di Pulau Pinang, Rumah Pangsa Taman Setia Jaya di Alor

Setar, Rumah Pangsa Taman Lobak di Seremban telah bertukar wajah menjadi sebuah kejiranan indah dan bukan lagi perumahan kos rendah malah berubah wajah menjadi perumahan kos sederhana.

4. Apakah tujuan pelaksanaan Program MyBN?

Tujuan pelaksanaan MyBN adalah:

- (i) mengubah persekitaran kejiranan perumahan awam yang tidak terurus kepada persekitaran yang indah;
- (ii) mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, bersih dan indah secara mampan; dan
- (iii) mewujudkan perasaan cintakan persekitaran kejiranan di kalangan penduduk setempat.

5. Apakah aktiviti yang terlibat dalam Program MyBN?

Bagi melaksanakan kerja-kerja membaik pulih perumahan awam milik pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri, KPKT telah menggabungkan sumber semua Jabatan di bawahnya yang meliputi aktiviti seperti berikut:

- (i) **Penyelenggaraan Bangunan** meliputi kerja-kerja mengecat semula bangunan, menaik taraf bumbung, siling dan saluran air hujan (*gutter*), pendawaian semula kabel elektrik, tangki air, sistem retikulasi, longkang perimeter, kebuk sampah, awning dan sebagainya;
- (ii) **menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam** merangkumi kerja-kerja membaiki dan menaik taraf jalan raya, longkang dan parit di luar bangunan, memperbaharui dan menaik taraf pencahayaan bangunan, menyusun semula tempat letak kereta, membina dan menaik infrastruktur komuniti;
- (iii) **menaik taraf landskap dan pengindahan kejiranan** seperti penyediaan peralatan permainan kanak-kanak, penyediaan ruang refleksologi dan projek penanaman pokok;
- (iv) **Pelaksanaan langkah-langkah Program Bandar Selamat** seperti menyediakan tempat letak motosikal berkunci untuk mengurangkan kecurian motosikal di perumahan kos rendah dan pemasangan papan tanda talian kecemasan Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- (v) **Pembersihan kawasan** oleh penduduk setempat dan sukarelawan iM4U bersama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui aktiviti gotong-royong.

(vi) Program Transformasi Sosial

Demi mewujudkan '*sense of belonging*' serta menggalakkan penglibatan penduduk menjaga dan menyenggara kawasan kediaman mereka secara berterusan, kementerian saya telah mengenalpasti 5 komponen utama Program Transformasi Sosial iaitu :

- a. Program Bandar Selamat** untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM dan Rukun Tetangga (RT). AMANITA (anggota polis wanita) sedang menarik suri rumah menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku;
- b. Program Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM dengan harapan penduduk dapat membantu menjaga pili bomba, menangani kes-kes kebakaran kecil dan sebagai agen penggerak dalam mewujudkan komuniti yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap budaya keselamatan kebakaran;
- c. Program Rakan Taman** untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan dijadikan amalan menjaga, memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf. Sambil beriadah setiap hari kita juga boleh mengawasi keadaan taman dan menjaga kebersihannya sekali. Sekali sekala kita boleh bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil atau melakukan apa yang patut untuk meningkatkan keceriaannya;
- d. Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*) untuk meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22% menjelang 2020. Saya berharap penduduk sedar amalan kitar semula adalah tanggungjawab bersama di samping boleh menambah sumber pendapatan isi rumah; dan
- e. Program *Communication for Behavioural Impact (COMBI)* atau Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku** bertujuan melibatkan penduduk dalam aktiviti-aktiviti memerangi nyamuk aedes.

6. Apakah kriteria pemilihan lokasi projek mybn?

- i. Kawasan perumahan awam yang terletak di bawah Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii. Keadaan fizikal dan infrastruktur kawasan yang tidak diselenggara, kotor, semak, tidak selamat dan selesa.
- iii. Mempunyai persekitaran yang *depress* seperti rumah terbakar, tidak mempunyai prasarana yang lengkap (tiada elektrik, tiada jalan raya, tiada bekalan air).
- iv. Kawasan black spot, kawasan yang mewujudkan persepsi tidak selamat seperti kawasan jenayah, gelap, penagihan dadah, rumah terbiar/terbengkalai dan sebagainya.

7. Selain daripada membaik pulih perumahan awam, apakah projek lain di bawah MyBN?

House Build iaitu pembinaan semula rumah terbakar atau rumah usang untuk golongan berpendapatan rendah oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan sumbangan peruntukan daripada KKLW, TNB, Pemaju, REDHA, Majlis Agama Islam Perak, Tabung Darul Iman dan sebagainya. Anggota bomba bukan sekadar memadam api, menyelamatkan nyawa, malah membina semula rumah terbakar untuk golongan miskin atau kurang upaya. Saiz rumah ialah 20' x 30' dengan kos RM40ribu di Semenanjung Malaysia dan RM50ribu di Sabah dan Sarawak. Anggota bomba pernah memecah rekod mengambil masa 7 hari 24 jam dengan menggunakan teknologi pembinaan industri IRIS Koto (*Industrialised building system*) di Kg. Pok Kolok, Nail, Kuala Besut manakala 25 hari cara pembinaan konvensional di Kg. Potong Pinang, Pokok Assam, Taiping, Perak.

Sejak Jun 2012 sehingga kini, 89 *house build* telah dilaksanakan : -

- a) 2012 : 5 buah
- b) 2013 : 20 buah
- c) 2014 : 34 buah
- d) 2015 : 30 buah